



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	28/6/2021	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	PERHILITAN			



TOH Wee Liang melihat burung unta yang masih dijaga di Sri Tanjung Leisure Farm (STLF) setelah ditutup berikutan pandemik Covid-19 di Jalan Parit Bugis, Kayu Ara Pasong, di Pontian, Johor. - UTUSAN/ MUHAMMAD ZIKRI

Pelihara 'kebajikan' haiwan zoo

PONTIAN: Pelbagai sektor terjejas teruk sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan Mac tahun lalu, tidak terkecuali tempat tarikan pelancongan berkonsepkan zoo mini di daerah ini yang kini sepi tanpa pengunjung.

Zoo mini yang dinamakan Sri Tanjung Leisure Farm (STLF) sebelum ini sering dipenuhi pelancong luar termasuk dari Singapura pada hujung minggu, namun, suasana meriah itu tidak lagi kelihatan walaupun pada satu ketika dibenarkan aktiviti rentas daerah dan negeri sebelum ini.

Menurut Penyelia STLF, Toh Wee Liang, walaupun ada sedikit

kelonggaran seperti diberikan hujung tahun lalu, namun, kunjungan pelawat ke tempatnya masih tidak menentu sehingga akhirnya menyebabkan pihak pengurusan mengambil keputusan untuk memberhentikan operasinya.

"Kami masih lagi cuba memastikan haiwan-haiwan diberikan makanan pada setiap hari walaupun ada beberapa ekor yang telah mati seperti kuda, burung merak yang tidak dapat dielakkan.

"Kos perbelanjaan bagi menyediakan makan dan sebagainya dianggarkan kira-kira RM3,500 sebulan yang terpaksa kami sediakan bagi memastikan

haiwan tersebut tidak mati walaupun zoo tidak beroperasi," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kayu Ara Pasong di sini semalam.

Zoo yang beroperasi di Kampung Lan, Jalan Parit Bugis itu mempamerkan pelbagai jenis haiwan seperti burung merak, kakak tua, pelbagai jenis ayam, kura-kura, arnab, rusa, burung unta, kuda padi, kambing dan haiwan-haiwan lain.

Kata Wee Liang, penutupan pintu sempadan antara Johor dan Singapura menyebabkan STLF kehilangan ramai pelawat dari negara jiran itu yang merupakan pengunjung paling ramai ke situ.